

# UMS bakal miliki galeri seni bernilai RM15 juta

UB 23.1.2018 A8

Oleh SADDAM EDRIS

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal memiliki galeri khas bagi menempatkan kesemua koleksi seni pelajar serta pensyarah yang dijangka mengambil masa dua tahun untuk siap dibina.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamaruddin D Mudin berkata, pembinaan galeri bernilai RM15 juta itu adalah hasil sumbangan Yayasan Tan Sri Azman Hashim yang diterima oleh UMS pada tahun lepas.

“Dengan adanya galeri ini, akan membolehkan kita mempersembahkan hasil seni yang bukan sahaja daripada inovasi terbaru

pelajar dan pensyarah, tapi mungkin daripada koleksi di merata-rata tempat di Sabah.

“Kita berharap dengan wujudnya galeri ini, ia berupaya memberi satu lagi produk tarikan kepada pelancong-pelancong luar,” katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian watikah pelantikan Ikon Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW) kepada Mizz Nina sempena sesi perkongsian ‘Women Empowerment’, di sini.

Jelas beliau, galeri yang dibina dalam UMS itu sekaligus memberikan kemudahan kepada pelajar UMS terdedah dengan persekitaran industri sebenar, khususnya sektor pelancongan di dalam



**KAMARUDDIN**(empat kanan) menyampaikan watikah pelantikan kepada Mizz Nina.

kampus.

Katanya, pelajar secara tidak langsung dapat berinteraksi dengan pelbagai latar belakang pelancong

dalam dan luar negara yang mengunjungi galeri itu.

Tambahnya, bukan hanya hasil seni yang dipamerkan dalam galeri itu, tetapi

juga merangkumi bahan rujukan penulisan akademik berkaitan seni sejarah dan sebagainya.

Ditanya mengenai

pemilihan artis tempatan Mizz Nina atau nama sebenar Shazrina Azman menjadi Ikon FKSW, Kamaruddin berkata ia tindakan tepat bersesuaian dengan penampilan artis itu yang kerap melakukan aktiviti kemasyarakatan.

Justeru, beliau berharap pelajar UMS akan turut sama mencontohi personaliti artis itu yang juga aktivis muda dalam menabur bakti kepada masyarakat tanpa hanya menelaah pembelajaran semata-mata.

Sementara itu, Dekan FKSW Profesor Dr Ismail Ibrahim berkata, susulan pelantikan Mizz Nina sebagai Ikon FKSW, fakulti itu akan terus merancakkan aktiviti kemasyarakatan.

Katanya, UMS merancang membawa Mizz Nina ke

kawasan pedalaman yang belum artis itu terokai bagi melihat sendiri sebahagian masyarakat yang masih dibelenggu kemiskinan.

Mizz Nina lahir pada 1 Julai 1980 dan berpendidikan Ijazah Sarjana Muda Kajian Media dan Perhubungan Awam dari Edith Cowan University, Australia.

Selain penyanyi, anak kepada Pengurus Kumpulan AmBank Tan Sri Azman Hashim itu juga seorang penulis lagu, pereka fesyen dan ahli perniagaan.

Beliau juga pernah menerima watikah pelantikan sebagai Duta 1Malaysia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak disebabkan penglibatan yang aktif terhadap pembangunan bangsa.